

# PM bimbang rasuah jejas pilihan raya

Oleh Othman Mamat

BH 27 DEC 1994

LANGKAWI, Isnin - Kerajaan bimbang gejala rasuah dan mengatur keputusan perlawanan bola sepak Liga Perdana, merebak dalam pilihan raya bagi menentukan kemenangan dan kekalahan seseorang calon, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, jika gejala seperti itu berlaku dalam pilihan raya, akan ada pihak yang sanggup menghulurkan wang kepada calon tertentu supaya mengaku kalah apabila mereka kelihatan mempunyai potensi untuk menang.

"Kita juga takut kalau dalam pilihan raya, per-

kara ini berlaku untuk nak tengok (menentukan) siapa menang dan siapa kalah.

"Bila nampak (seseorang calon) nak kalah, dia sanggup hulur duit kepada pihak yang nak menang, supaya dia kalah," katanya kepada pemberita sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas gejala rasuah dan menjual permainan bola sepak di negara ini sehingga memaksa polis menahan 53 pemain untuk membantu siasatannya sejak beberapa minggu lalu.

Dr Mahathir mengakui beliau tidak arif menge-

nai bola sepak dan selama ini percaya bahawa pasukan yang menang dalam sesuatu perlawanan bola sepak adalah benar-benar menang manakala yang kalah benar-benar kalah.

Bagaimanapun, katanya, jika sukan dikaitkan dengan terlampau banyak pertaruhan yang dibuat oleh bookie secara haram, ia menyebabkan berlaku rasuah dan pelbagai gejala lain yang tidak sihat.

Ditanya cara membendung gejala itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pihak yang disyaki terbabit dengan rasuah

apabila mendapat maklumat.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, yang penting ialah pegangan rakyat sama ada mereka percaya cara yang tidak halal itu sesuai dilakukan untuk mencari kekayaan.

"Akhirnya yang penting ialah apakan pegangan rakyat. Kalau kita percaya bahawa kita harus mencari makan dengan cara halal, maka perkara yang kita dengar dalam bola sepak tidak akan berlaku," katanya.